

Kaji tindakan tegas peminjam PTPTN culas

Noor Mohamad Shakil Hameed,

Timbalan Pendaftar Fakulti Perhutanan Dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Laporan kira-kira 430,000 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menamatkan pengajian di institut pendidikan tinggi (IPT), dikesan tidak pernah membayar pinjaman mereka dengan jumlah terkumpul sehingga kini mencapai RM6 bilion tidak mengejutkan.

Ironinya masalah keingkaran peminjam menjelaskan pinjaman sudah berlarutan sekian lama walaupun kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti kemudahan penangguhan bayaran balik, pemberian insentif diskau bayaran balik serta penstrukturkan semula pinjaman bagi memudahkan proses pembayaran balik pinjaman.

Jelas, masih ramai ingkar dan liat menunaikan tanggungjawab, walaupun sudah menamatkan pengajian sejak berpuluhan tahun lalu dengan laporan menunjukkan bilangan ini terus meningkat.

Pendedahan golongan peminjam lama tidak pernah membayar kembali pinjaman walau sesen pun mencerminkan soal sikap peminjam tidak berdisiplin dan bertanggungjawab melunaskan hutang serta tidak mempedulikan nasib generasi berikutnya yang sangat memerlukan bantuan kewangan untuk memulakan sesi pengajian.

Sikap ingkar peminjam ini mengakibatkan kedudukan kewangan PTPTN berada pada tahap membimbangkan dan ini menuntut kerajaan mencari jalan terbaik menangani masalah ini segera.

Sewajarnya peminjam sedar dana PTPTN adalah berbentuk modal pusingan yang mana bayaran balik pinjaman akan digunakan untuk membantu peminjam baharu. Maka, jika berlaku masalah dari segi kutipan bayaran balik ia akan memberi kesan langsung kepada kemampuan menyediakan pinjaman kepada pemohon baharu.

Justeru, sudah tiba masanya PTPTN bertindak lebih tegas terhadap peminjam yang benar-benar didapati berkemampuan, tetapi terus culas dan mengelak membayar balik pinjaman. Kelompok ini tidak boleh dibiarkan terlepas begitu sahaja kerana tindakan mereka mula memberi kesan besar kepada bakal peminjam baharu yang memerlukan bantuan kewangan.

Cadangan seperti menyaman peminjam berkecimpuan dan liat wajar dipertimbangkan supaya

mahkamah boleh membuat satu keputusan lebih adil, termasuk mengeluarkan arahan penyitaan terhadap aset peminjam untuk menyelesaikan tunggakan pinjaman masing-masing.

Tindakan tegas seperti ini boleh membuka mata semua peminjam ingkar untuk segera menjelaskan hutang masing-masing, selain segera berjumpa dengan PTPTN untuk berbincang langkah penyelesaian hutang terbaik.

Cadangan seperti menghalang peminjam daripada memohon pinjaman lain seperti perumahan atau kenderaan juga wajar dipertimbangkan. PTPTN juga dicadang mencari pendekatan lebih strategik memantau dan mengutip semula hutang pinjaman mengikut tempoh ditetapkan.

Teliti aspek penguatkuasaan

Aspek penguatkuasaan kutipan semula pinjaman wajar diteliti bagi memastikan tidak berlaku lagi senario peminjam tidak membayar balik hutang walaupun sudah menamatkan pengajian sejak berpuluhan tahun lalu.

Perkara seperti ini tidak wajar berlaku kerana secara logiknya kelompok ini sudah lama bekerja dan sudah mula menjana pendapatan yang sewajarnya sekali gus berada pada kategori mampu membayar balik hutang tanpa sebarang alasan kesimpitan hidup.

Apakah sistem bayaran balik sedia ada terlalu fleksibel sehingga ada yang mengambil kesempatan tidak melunaskan pinjaman walaupun layak dan mampu membayar balik pinjaman.

Ini wajar diteliti supaya kelonggaran bayar balik hanya diberikan kepada golongan belum bekerja atau B40 dan M40 masih bergelut meneruskan kelangsungan hidup selepas menamatkan pengajian.

Dalam konteks ini, PTPTN mungkin perlu meningkatkan kerjasama strategik dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Insolvensi dan Jabatan Imigresen supaya tindakan penguatkuasaan kutipan balik pinjaman dapat dilaksanakan lebih berkesan.

Apa yang penting, peminjam perlu sedar hutang tetap perlu dibayar dan tindakan ingkar hanya menjelaskan peluang pelajar lain untuk membuat pinjaman bagi menampung kos pengajian.

Kaji tindakan tegas peminjam PTPTN culas

Laporan kira-kira 430,000 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menamatkan pengajian di institut pendidikan tinggi (IPT), dikesan tidak pernah membayar pinjaman mereka dengan jumlah terkumpul sehingga kini mencecah RM6 bilion tidak mengejutkan. Ironinya masalah keingkaran peminjam menjelaskan pinjaman sudah berlarutan sekian lama walaupun kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti kemudahan penangguhan bayaran balik, pemberian insentif diskau bayaran balik serta penstruktur semula pinjaman bagi memudahkan proses pembayaran balik pinjaman. Jelas, masih ramai ingkar dan liat menunaikan tanggungjawab, walaupun sudah menamatkan pengajian sejak berpuluh tahun lalu dengan laporan menunjukkan bilangan ini terus meningkat. Pendedahan golongan peminjam lama tidak pernah membayar kembali pinjaman walau sesen pun mencerminkan soal sikap peminjam tidak berdisiplin dan bertanggungjawab melunaskan hutang serta tidak mempedulikan nasib generasi berikutnya yang sangat memerlukan bantuan kewangan untuk memulakan sesi pengajian. Sikap ingkar peminjam ini mengakibatkan kedudukan kewangan PTPTN berada pada tahap membimbangkan dan ini menuntut kerajaan mencari jalan terbaik menangani masalah ini segera. Sewajarnya peminjam sedar dana PTPTN adalah berbentuk modal pusingan yang mana bayaran balik pinjaman akan digunakan untuk membantu peminjam baharu. Maka, jika berlaku masalah dari segi kutipan bayaran balik ia akan memberi kesan langsung kepada kemampuan menyediakan pinjaman kepada pemohon baharu. Justeru, sudah tiba masanya PTPTN bertindak lebih tegas terhadap peminjam yang benar-benar didapati berkemampuan, tetapi terus culas dan mengelak membayar balik pinjaman. Kelompok ini tidak boleh dibiaran terlepas begitu sahaja kerana tindakan mereka mula memberi kesan besar kepada bakal peminjam baharu yang niemerlukan bantuan kewangan. Cadangan seperti menyaman peminjam berkemampuan dan liat wajar dipertimbangkan supaya mahkamah boleh membuat satu keputusan lebih adil, termasuk mengeluarkan arahan penyitaan terhadap aset peminjam untuk menyelesaikan tunggakan pinjaman masing-masing. Tindakan tegas seperti ini boleh membuka mata semua peminjam ingkar untuk segera menjelaskan hutang masing-masing, selain segera berjumpa dengan PTPTN untuk berbincang langkah penyelesaian hutang terbaik. Cadangan seperti menghalang peminjam daripada memohon pinjaman lain seperti perumahan atau kenderaan juga wajar dipertimbangkan. PTPTN juga dicadang mencari pendekatan lebih strategik memantau dan mengutip semula hutang pinjaman mengikut tempoh ditetapkan. Teliti aspek penguatkuasaan Aspek penguatkuasaan kutipan semula pinjaman wajar diteliti bagi memastikan tidak berlaku lagi senario peminjam tidak membayar balik hutang walaupun sudah menamatkan pengajian sejak berpuluh tahun lalu. Perkara seperti ini tidak wajar berlaku kerana secara logiknya kelompok ini sudah lama bekerja dan sudah mula menjana pendapatan yang sewajarnya sekali gus berada pada kategori mampu membayar balik hutang tanpa sebarang alasan kesempitan hidup. Apakah sistem bayaran balik sedia ada terlalu Aeksibel sehingga ada yang mengambil kesempatan tidak melunaskan pinjaman walaupun layak dan manipu membayar balik pinjaman. Ini wajar diteliti supaya kelonggaran bayar balik hanya diberikan kepada golongan belum bekerja atau B40 dan M40 niasih bergelut meneruskan kelangsungan hidup selepas menamatkan pengajian. Dalam konteks ini, PTPTN mungkin perlu meningkatkan kerjasama strategik dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Insolvensi dan Jabatan Imigresen supaya tindakan penguatkuasaan kutipan balik pinjaman dapat dilaksanakan lebih berkesan. Apa yang penting, pemijiam perlu sedar hutang tetap perlu dibayar dan tindakan ingkar hanya menjelaskan peluang pelajar lain untuk membuat pinjaman bagi menampung kos pengajian.